

23 APR 1998

Mahathir-Polis

MAHATHIR PERTAHANKAN TINDAKAN POLIS MENEMBAK PENJENAYAH

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempertahankan tindakan polis menembak penjenayah-penjenayah yang bersenjata dan menyifatkan kritikan oleh sebuah pertubuhan hak asasi manusia tempatan, Hakam mengenai tindakan polis itu, sebagai tidak adil.

Perdana Menteri berkata demikian semasa menjawab pertanyaan media mengenai Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor yang tersinggung dengan kenyataan presiden Hakam Raja Aziz Addruse yang menyifatkan polis sebagai sebagai "ghairah menembak".

"Saya mahu menyatakan ia tidak adil. Saya mahu lihat bagaimana perasaan Raja Aziz jika anda mengacukan senjata kepadanya," kata beliau selepas mengunjungi presiden Burkina Faso, Blaise Compaore hari ini.

"Orang-orang ini memukul anggota polis hingga mati, macam mana polis tidak boleh bertindak," kata Dr Mahathir.

Ditanya sama ada ia merujuk kepada pendatang tanpa izin, Dr Mahathir berkata ia termasuk pendatang tanpa izin, penculik dan semua penjenayah.

Isnin lepas, Abdul Rahim membidas Hakam kerana membuat kenyataan yang tidak adil terhadap pasukan polis.

Abdul Rahim berkata, ada masanya polis terpaksa membuat keputusan dalam sekelip mata apabila berdepan dengan penjenayah.

Pegawai-pegawai polis dilatih untuk bertindak sejauh mana yang boleh selaras dengan prosedur perundangan sementara penjenayah dengan rekod buruk tidak teragak-agak untuk membunuh, kata beliau.

Abdul Rahim juga berkata, polis tidak akan mengubah pendekatan ini kecuali jika terdapat perubahan dan undang-undang yang sedia ada.

Dalam satu rencana yang disiarkan dalam ruangan surat kepada pengarang di akhbar harian The New Straits Times, Raja Aziz mengecam pihak polis kerana menggunakan kekerasan secara melulu untuk membunuh mereka yang disyaki penjenayah.

Menurut Raja Aziz, lebih 50 orang yang disyaki penjenayah telah ditembak mati sejak dua setengah tahun lepas.

-- BERNAMA

MAM PR